

Kerajaan setuju kaji eraji penjawat awam

Pertimbangan
ambil kira skim
masih rendah,
kali terakhir
disemak 2013

Oleh Muhammad Yusri
Muzamir dan Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Kabinet pada mesyuaratnya minggu depan akan membincangkan keputusan untuk mengkaji semula skim gaji perkhidmatan awam, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, keputusan untuk mengkaji semula skim gaji itu dibuat berikutan tiada kenaikan diberikan bagi tempoh yang agak lama, dengan kali terakhir skim gaji disemak adalah pada 2013.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pertimbangan itu juga wajar dibuat selepas mengambil kira skim gaji penjawat awam ketika ini berada pada tahap rendah.

“Gaji penjawat awam paling akhir dinilai semula pada 2013 dan ia suatu tempoh agak lama. Maka, pandangan sudah dikemukakan kepada saya oleh Zulkapli (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Dr Zulkapli Mohamed) dan Mohd Zuki (Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mo-

hd Zuki Ali) untuk memulakan pasukan mengkaji dan saya bersetuju (dengan syor berkenaan).

“Kita akan bantangkan kepada Jemaah Menteri supaya diberikan kelulusan dan pasukan ini boleh memulakan kerja dan memberikan cadangan kepada kerajaan untuk meningkatkan (skim gaji penjawat awam).

“Upah dan gaji penjawat awam ketika ini masih di tahap rendah dan saya rasa ia wajar diberi pertimbangan walaupun (kerajaan) terikat dengan kekangan kewangan. Sedikit perubahan ini saya rasa kita boleh cari jalan.

“Jangkaan tempoh perbincangan (syor penelitian semula skim gaji penjawat awam) akan diserahkan kepada Zulkapli,” katanya selepas menghadiri Majlis Amanat Perdana Menteri kepada Penjawat Awam Negeri Sembilan di Dewan Majlis Bandaraya Seremban (MBS), semalam.

Gaji tak setimpal

Hadir sama Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook; Mohd Zuki dan Zulkapli.

“Berapa peratus itu terlalu awal untuk komen, tetapi harus ada... ini kerana (gaji) tidak setimpal dengan kerja, kadang-kadang mereka buat kerja lebih masa... kalau rekod seperti mana kita lihat sekarang pelaburan lebih pantas dan laju, saya bagi jaminan, insya-Allah kita boleh kaji semula skim berkenaan,” katanya.

Pada 2013, Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Razak bersetuju memberi faedah pemindahan gaji sebanyak satu kenaikan gaji tahunan (KGT) kepada semua penjawat awam iaitu RM80 hingga RM320 membabitkan perbelanjaan RM1.5 bilion.

Pada majlis itu, Anwar juga mengumumkan kerajaan meluluskan peruntukan segera RM200 juta bagi memperbaiki kediaman Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di seluruh negara.

Katanya, kelulusan itu diberikan selepas mempertimbangkan banyak kediaman ATM sangat teruk dan terbiar sekian lama.

“Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan baru-baru ini, memaklumkan perkara ini kepada saya dan kita juga melihat kepada keadaan perumahan sangat teruk serta terbiar untuk sekian lama.

“Justeru, saya luluskan peruntukan segera RM200 juta untuk memperbaiki rumah tentera. Esok, saya akan maklumkan mengenai peruntukan tambahan bagi perumahan Polis Diraja Malaysia (PDRM),” katanya.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, pemilik Twitter dan Tesla, Elon Musk meminta untuk berunding dengannya minggu depan untuk bincang kemungkinan komitmen tambah pelaburan di Malaysia.

“Semua ini bermula daripada tata kelola dan pengurusan ekonomi yang baik diamalkan pentadbiran Kerajaan Perpaduan,” katanya.